

Headline	Tenaga Haji Muda		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	18 Sep 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	12	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	537 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,613
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,840



Tenaga Haji Muda

Firdaus berkorban masa dan tenaga bantu jemaah cacat

APABILA seorang anak muda berpeluang mengerjakan haji seorang diri, tentulah mudah baginya mengerjakan ibadat dan berdikari.

Namun bagi **Firdaus Haziq Abdul Malek**, 24, beliau tidak merasa terbebas meluangkan masa dan tenaga menjaga seorang warga emas, **Leiman Mat Sam**, 76, yang cacat kaki akibat serangan angin ahmar sejak 2006 dan tinggal sebilik dengannya di Madinah.

Firdaus dari Bandar Baru Bangi yang masih bujang dan datang seorang diri berkata, Leiman yang dipanggilnya 'Atuk' itu ditemui semasa berjalan dari hotel menuju ke masjid.

"Saya berasa simpati dengan keadaan Atuk yang menghadapi kesukaran berjalan walaupun bertongkat tetapi tetap gigih untuk melaksanakan ibadah di sini."

"Saya tidak menyangka akan menerima tanggungjawab untuk menjaga 'atuk' dan saya meminta bantuan kerusi roda dari pengurusan Tabung Haji untuk membawa Atuk menunaikan solat berjemaah lima waktu di Masjid Nabawi," katanya kepada pemberita baru-baru ini.

Firdaus yang bekerja dengan sebuah syarikat pengeluar alat ganti kenderaan berkata, beliau tidak mengharapkan sebarang ganjaran dan tidak menganggap tugas itu sebagai bebanan meskipun terpaksa menghabiskan masa menemaninya Atuk.

Sementara itu, Leiman yang berasal dari Slim River, Perak berkata beliau hanya bertawakal untuk menunaikan haji setelah mendapat tawaran daripada TH.

"Jika tiada sesiapa yang mau membantu pak cik di sini, pak cik hanya berdoa dan berserah kepada Allah SWT malah anak-anak pak cik turut risau kerana pergi menunaikan haji seorang diri tanpa dibantu sesiapa," kata Leiman.

Leiman yang kematian isteri pada 2007 berkata, pada hari pertama di Tanah Suci, dia berjalan kaki dari hotel penginapannya kira-kira 500 meter dari Masjid Nabawi menggunakan tongkat sambil menahan kesakitan setiap kali kaki kanannya membengkok memijak jalan raya dan batu marmer yang panas.

"Bagaimanapun, saya amat bersyukur kerana dipertemukan Allah SWT dengan seorang anak muda berhati mulia dan sanggup membantu memimpin tangan saya ke masjid."

"Kini, saya berasa selesa melakukan ibadah solat termasuk ziarah di luar termasuk melawat masjid Quba dan Qiblatain selain berkesempatan menunaikan solat hajat di Raudah," katanya.

Leiman dan Firdaus tiba di Madinah semalam menerusi penerbangan KT 5 dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Madinah.
- Bernama



FIRDAUS Haziq Abdul Malek menolak kerusi roda **Leiman Mat Sam** di Masjid Nabawi, Madinah baru-baru ini.

Kamus Haji



Haji Ifrad: Mengerjakan haji dan umrah secara berasingan. Contohnya berniat ihram haji di Miqat terlebih dahulu, setelah selesai menunaikan haji barulah dilaksanakan umrah. Begitu juga sebaliknya.

→ **Haji Tamattu:** Menunaikan ibadah haji dan umrah dengan mendahulukan umrah daripada haji dalam musim haji. Caranya ialah berniat ihram mengerjakan haji dan umrah secara berasingan.

→ **Haji Qiran:** Ertinya menggabungkan dengan berniat ihram di Miqat untuk mengerjakan haji dan umrah sekali gus. Sesudah disempurnakan ibadah umrahnya, dia tetap dalam keadaan ihram sehingga selesai ibadah haji. Dalam maksud lain, tawaf dan saie diperlukan sekali untuk haji dan umrah.

